

28 JUN 2003

Jamaluddin-Awam/I

KAKITANGAN AWAM PUNYAI PERANAN PENTING TINGKATKAN PERTUMBUHAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Kakitangan awam mempunyai peranan penting untuk dimainkan dalam memastikan kejayaan strategi-strategi baru yang digariskan untuk merangsang ekonomi negara, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaluddin Jarjis hari ini.

Usaha untuk meningkatkan daya saing dan sistem pelaksanaan Malaysia adalah berkait rapat dengan sektor awam, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan syarahan mengenai "Enhancing The Delivery Systems And Mechanisms: The Way Forward" di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di sini.

Usaha berkenaan merupakan antara lebih 90 strategi yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lepas bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara di tengah-tengah ketidakpastian global.

"Setiap peringkat dalam kerajaan memainkan peranan kritikal dalam sistem pelaksanaan, daripada persekutuan kepada negeri, pihak berkuasa tempatan dan daerah-daerah," kata Jamaluddin.

Beliau berkata misalnya, kelulusan segera bagi pelan pembangunan (BP) dan pengeluaran sijil layak menduduki (CFO) akan memberikan kesan kitaran terhadap ekonomi.

"Apabila BP atau CFO dikeluarkan lebih cepat, pembeli boleh mendapat rumah dengan lebih cepat, manakala kontraktor dan pemaju juga mendapat bayaran lebih cepat. Jadi, ia akan memberi kesan terhadap ekonomi, akan berlaku kitaran dalam pergerakkan tunai," katanya.

Sebagai balasannya, beliau berkata kakitangan awam mendapat faedah daripada bonus yang mampu dibayar oleh kerajaan apabila ekonomi berkembang pesat.

"Apabila ekonomi bergerak, kerajaan akan membuat wang daripada cukai dan meningkatkan kedudukan tunainya...kerajaan akan dapat membayar bonus kepada kakitangan awam," katanya.

Jamaluddin berkata perkhidmatan awam yang efektif juga akan dapat membantu negara menarik pelaburan langsung asing (FDI).

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri berkata semua jabatan kerajaan negeri dan persekutuan telah diminta mengemukakan keperluan kakitangan mereka di bawah skim gaji Sistem Saraan Malaysia (SSM).

"Ini merupakan satu daripada alasan yang diberikan," katanya semasa ditanya mengenai aduan bahawa jabatan-jabatan kerajaan tidak mampu memproses dokumen dengan cepat ekoran kekurangan kakitangan.

"Kita pun tidak mahu mendengar bahawa sesetengah tugas itu terlewat kerana kekurangan kakitangan. Kita boleh luluskan jawatan (baru) tetapi anda perlu mengambil kira tempoh latihan; ia mengambil masa," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata jabatan-jabatan kerajaan juga perlu mengoptimalkan keupayaan mereka dengan kapasiti sedia ada.

-- BERNAMA

SM SM RHM